

Ketibaan bagaikan selebriti

SEPANG 14 APR 2005 — Dia akan berjumpa dengan tokoh pujaannya bapak (Tun) Mahathir Mohamad. “Dia hanya tersenyum bila diberitahu akan jumpa bapak Mahathir yang sebenar esok,” kata Yorhamun.

Pesawat MH865 dari Medan, Indonesia yang membawa Mahathir bersama pengasuhnya yang juga ketua rumah anak-anak yatim Panti Asuhan Al-Wasliyah, Yorhamun Harefa serta kru *Utusan Malaysia* tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini pada pukul 5.15 petang.

Mahathir, 9, sedikit terkejut apabila dilayan seperti seorang selebriti dengan cahaya kilat kamera ditujukan tepat di mukanya selain pertanyaan bertalu-talu dari para wartawan dan jurugambar sejeurus tiba di Bilik Kenamaan, KLIA.

Wajah anak kecil itu yang mulanya kelihatan lesu selepas melalui perjalanan jauh dari Pulau Nias semalam tiba-tiba berubah apabila wartawan *Utusan Malaysia* menunjukkan sebuah buku yang memaparkan koleksi foto-foto idolanya itu.

“Dia masih bertanya ka-

Misi membawa anak yatim piatu ini ke Malaysia bermula ekoran eksklusif laporan *Utusan Malaysia* mengenai keinginan Mahathir untuk bertemu bekas Perdana Menteri yang sering disebut-sebut di kampung halamannya kerana sikapnya yang budiman dan bijaksana.

Impian Mahathir ini semakin menjadi kenyataan apabila Tun Dr. Mahathir secara peribadi menyuarakan kesediaan untuk bertemu anak kecil itu sekiranya *Utusan Malaysia* mengatur pertemuannya dengan kanak-kanak itu.

Seperti mimpi jadi kenyataan, anak malang itu dijadualkan bertemu dengan tokoh pujaannya di kediaman bekas Perdana Menteri itu di The Mines, Seri Kembangan, 4 petang esok.

Turut mengiringi Mahathir dari Nias ialah wartawan *Utusan Malaysia*, Syahril Kadir; jurugambar Halim Khalid; jurukamera TV3, Norkamal Azedy Ah-

mad dan Bendahari Kehormat PBSM, Fatimah Sulaiman.

Ketibaan rombongan anak yatim piatu itu disambut oleh Pengurus Besar Malaysia Airports Berhad (MAB), Azmi Murad, Pengerusi Jawatankuasa Media PBSM, Datuk Ahmad Talib serta para wartawan dan jurugambar media tempatan.

Setelah menikmati hidangan di KLIA, Mahathir dan Yorhamun dibawa ke Ibu Pejabat Kumpulan Utusan di Kuala Lumpur untuk diraikan.

Turut meraikan tetamu itu ialah Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Khalid Mohd.

Kumpulan Utusan menguruskan penginapan dan

makan minum kedua-dua tetamu istimewa itu sepanjang mereka berada di negara ini.

Tiket penerbangan mereka disumbangkan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS).

Usaha *Utusan Malaysia* itu turut mendapat kerjasama PBSM dan Palang Merah Indonesia.